




PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH LAPORAN TAHUNAN 2005



PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH

LAPORAN TAHUNAN
PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH
2005





Visi

Perpustakaan sebagai pusat ilmu terulung dalam bidang sains dan teknologi

Misi

Menyumbang kepada peningkatan ilmu melalui penyediaan akses mudah, penyebaran dan perkongsian maklumat sains dan teknologi

Objektif PSZ

Memberi perkhidmatan berasaskan maklumat kepada pelanggan

Mengurus maklumat yang menepati keperluan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, perundingan dan penerbitan di UTM.

Mempromosi perkhidmatan maklumat kepada masyarakat dalam dan luar UTM.

Memupuk budaya ilmu dan kecemerlangan minda di kalangan masyarakat dalam dan luar UTM.

PIAGAM PELANGGAN

Menyadari pelanggan PSZ memerlukan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki, staf PSZ adalah komited kepada usaha memberi perkhidmatan yang cemerlang serta bersedia melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan seperti berikut:

- Memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan peka kepada keperluan dan kepuasan pelanggan dengan:
 - Memastikan semua permohonan untuk pembelian bahan dapat dipertanggungjawabkan sebelum bulan September setiap tahun.
 - Memastikan semua bahan diproses dengan segera supaya tunggakan sifar.
 - Membekalkan perkhidmatan maklumat terkini dengan terang, lengkap dan mengikut jangka masa yang ditetapkan.
 - Menentukan setiap pangkalan data yang disediakan dapat diakses oleh pelanggan.
- Memastikan pelanggan diberi layanan dalam proses pemulangan bahan dalam masa tiga (3) minit pada keadaan biasa.
- Mengamalkan sikap positif dan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan.
- Melaksanakan langkah pembaharuan yang berterusan bagi mempertingkatkan perkhidmatan.
- Meningkatkan kemahiran dan kewibawaan staf melalui latihan.

POLISIKUALITI

Perpustakaan Sultanah Zanariah memberi perkhidmatan kepada pelanggan berpandukan kepada perlunya kepuasan pelanggan dan pembaharuan berterusan yang boleh dicapai dengan memastikan:

- Staf PSZ beretika, mahir dan profesional.
- Peruntukan dan penyediaan sumber mencukupi.
- Keselamatan sumber terpelihara.
- Proses kerja berkesan dan cekap.
- Penggunaan teknologi di tahap intensif.

Usaha mencapai kepuasan pelanggan dan penambahbaikan berterusan diterjemahkan kepada objektif yang disemak dari masa ke semasa seperti berikut:

- Mempertingkatkan pengurusan sumber ilmu dengan secara beransur melengkapkan Koleksi Khas sehingga tahun kini.
- Mengindeks semua penulisan UTM, berperingkat-peringkat sehingga tunggakan sifar.
- Mengimbas dokumen dari tahun kini hingga kebelakangan.
- Memantau dan menganalisis penggunaan sumber elektronik dua kali setahun.
- Mengaudit pembekal sekali setahun.
- Memantau dan menganalisis pelaksanaan komponen-komponen perpustakaan digital.
- Menggandakan aktiviti sebaran dan perkongsian ilmu dan
- Mengaudit pelaksanaan Standard People Practices sekurang-kurangnya 1 kali setahun.

Perancangan teratur dan analitik akan membawa PSZ ke arah perkhidmatan yang melepasi tahap ekspektasi pelanggan dan pihak-pihak yang tertentu yang berkepentingan kepada PSZ. Oleh itu, sangatlah penting semua staf memahami, melaksana dan mengutamakan Polisi Kualiti PSZ.

GEMILANG PSZ

Anugerah Perpustakaan Cemerlang Persatuan Pustakawan Malaysia 2005

Tahun 2005 telah membawa sejarah kepada Perpustakaan Sultanah Zanariah kerana telah terpilih sebagai pemenang Anugerah Perpustakaan Cemerlang 2005 anjuran Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM). Anugerah yang julung kali diadakan ini adalah satu pengiktirafan di atas kecemerlangan PSZ sebagai sebuah perpustakaan akademik yang giat berusaha memberi perkhidmatan terbaik, aktif dalam pendidikan pengguna serta aktiviti kemasyarakatan. Kejayaan ini amat berharga kepada semua staf PSZ kerana ianya adalah hasil dari semangat kerja berpasukan yang tinggi selama ini. Kejayaan ini juga memperaku PSZ sebagai sebuah Perpustakaan yang boleh dijadikan contoh di negara ini dan sekaligus mengharumkan nama Universiti Teknologi Malaysia.

Pengumuman PSZ sebagai pemenang bagi kategori perpustakaan besar/ sederhana telah dibuat pada malam 'Gala Dinner' sempena sambutan 50 tahun penubuhan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) di hotel terkemuka di Kuala Lumpur pada 6 April 2005. Anugerah dalam bentuk piala, sijil, serta wang tunai telah disampaikan sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak kepada Naib Canselor UTM, Datuk Prof. Ir. Dr. Mohd. Zulkifli Tan Sri Mohd. Ghazali. Turut hadir pada malam tersebut ialah Ketua Pustakawan PSZ, Pn. Kamariah Nor Mohd Desa, bekas Ketua Pustakawan PSZ iaitu Pn. Hajjah Che Sham Hj. Mohd Darus dan Cik Rosna Taib serta tokoh-tokoh pustakawan dari Malaysia, Singapura serta dari beberapa negara luar. Lanjutan dari itu, satu majlis makan malam bagi menghargai warga PSZ telah diadakan pada 7 Mei 2005 bertempat di Hotel Mutiara, Johor Bahru.


PENTADBIRAN ORGANISASI

Ketua Pustakawan adalah bertanggungjawab kepada Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia. Walaubagaimanapun, Jawatankuasa Tetap Senat Mengenai Perpustakaan telah dibentuk oleh Universiti berperanan sebagai badan yang mewakili Universiti dalam menasihati serta memberi input bagi pengurusan perpustakaan. Ahli Jawatankuasa Tetap Senat Mengenai Perpustakaan bagi sesi 2005-2007 adalah seperti berikut :

- Prof. Dr. Ahmad Kamal bin Idris (Pengerusi) - Timbalan Naib Canselor (Akademik)
- Puan Kamariah Nor Mohd Desa - Ketua Pustakawan PSZ
- Prof. Dr. Supian bin Ahmad (Wakil Tetap Senat) - Dekan, Fakulti Alam Bina
- Prof. Dr. Ahmad bin Darus (Wakil Tetap Senat) - Dekan, Fakulti Kejuruteraan Elektrik
- Prof. Dr. Zaitun Hj. Sidin (Wakil Tetap Senat) - Dekan, Fakulti Pendidikan
- Prof. Dr. Safaai Deris - Sekolah Pengajian Siswazah (SPS)
- Prof. Dr. Ghazali Sulong - School of Professional and Continuing Education (SPACE)
- Prof. Madya Dr. Abdul Kadir Marsono - Fakulti Kejuruteraan Awam
- Prof. Madya Dr. Noordin Mohd Yusof - Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
- Prof. Madya Dr. Nik Rumzi Nik Idris - Fakulti Kejuruteraan Elektrik
- Prof. Madya Dr. Ismail Omar - Fakulti Kejuruteraan & Sains Geoinformasi
- Prof. Madya Dr. Abdul Samad Hj. Ismail - Fakulti Sains Komputer & Sains Maklumat
- Prof. Madya Dr. Zulkaflī Othaman - Fakulti Sains
- Prof. Madya Dr. Mohd Zaki Kamsah - Pusat Pengajaran & Pembelajaran (CTL)
- Prof. Madya Dr. Shaharuddin Salleh - Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)
- Prof. Madya Dr. Ahmad Bashri Sulaiman - Program Pengajian Siswazah (PPD)
- Prof. Madya Mahamood Che Hussin - Fakulti Alam Bina
- Dr. Azeman Mustafa - Fakulti Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Sumber Asli
- Dr. Zaidah Zainal - Fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia
- Prof. Madya Dr. Abdul Hafidz Hj. Omar - Wakil Fakulti Pendidikan
- Encik Ahmad Said - Wakil Bendahari
- Tuan Hj. Samsudin Nyat - Wakil Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (CICT)
- Puan Noraziah Sharuddin - Ketua Jabatan Perkhidmatan Maklumat, PSZ (Setiausaha)

Dengan adanya Jawatankuasa ini, PSZ berharap dapat meningkatkan mutu perkhidmatan melalui aktiviti yang dapat memantapkan pengetahuan dan kemahiran dalam merealisasikan dasar dan objektif PSZ agar segala perancangan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

CARTA ORGANISASI PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN LATIHAN

Sepanjang tahun 2005, urusan yang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia termasuk perjawatan perkhidmatan seperti lapor diri, pengesahan jawatan, pemberian taraf pekerja berpencen, permohonan pinjaman perumahan/komputer/kenderaan Kerajaan/Universiti dan lain-lain telah diuruskan dengan sempurna. Begitu juga urusan yang berkaitan dengan anjakan gaji kerana lulus Penilaian Tahap Kecekapan, emolumen, elaun-elaun, bonus dan pelarasan gaji. Sehingga penghujung 2005, jumlah staf PSZ ialah seramai 173 orang.

Bil	Jawatan	Gred	Peruntukan	Skudai	KL
1.	Ketua Pustakawan	S54	1	1	-
2.	Timbalan Ketua Pustakawan	S52	1	-	-
3.	Timbalan Ketua Pustakawan	S48	6	3	1
4.	Pustakawan Kanan	S44	7	6	1
5.	Pustakawan	S41	22	21	1
6.	Pen. Pegawai Perpustakaan	S27	1	1	-
7.	Pemb. Perpustakaan	S26	2	-	-
8.	Pembantu Perpustakaan Kanan	S22	6	5	1
9.	Pembantu Perpustakaan	S17	80	77	11
10.	Pegawai Tadbir	N41	1	1	-
11.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1	-
12.	Pembantu Tadbir Kanan	N22	1	1	-
13.	Pembantu Tadbir	N17	4	4	-
14.	Pembantu Tadbir Rendah Kanan	N14	2	2	-
15.	Pembantu Tadbir Rendah	N11	19	14	2
16.	Pembantu Am Rendah	N1	11	10	1
17.	Juruteknik	J17	5	4	-
18.	Pegawai Sistem Maklumat	F41	1	1	-
19.	Jurufoto Filem	B17	1	1	-
20.	Pemandu	R3	1	-	-
	Jumlah		173	154	18

Latihan

Pelbagai program latihan telah diadakan untuk membantu staf meningkatkan taraf profesionalisme, kemajuan diri dan kemahiran bekerja staf. PSZ mengenalpasti keperluan latihan staf berdasarkan Analisis Keperluan Latihan (TNA) dan Laporan Penilaian Staf Tahunan di mana staf menyatakan latihan yang diperlukan dan juga cadangan daripada Penyelia/Ketua Jabatan. Oleh itu, PSZ telah mengadakan program latihan dalaman yang terancang yang diuruskan oleh Unit Pembangunan Sumber Manusia. Selain dari itu PSZ juga menghantar staf menghadiri program latihan yang dianjurkan oleh Unit Pembangunan Sumber Manusia, UTM dan anjuran luar UTM. Pada tahun 2005 PSZ telah berjaya melaksanakan kursus Bahasa Inggeris secara menyeluruh untuk semua staf dalam kumpulan sokongan disamping kursus dalaman lain yang difokuskan untuk kumpulan ini. Sehubungan dengan itu hampir keseluruhan staf dalam kumpulan ini telah berpeluang menghadiri sekurang-kurangnya 1 kursus seperti yang disasarkan.

Perlantikan Staf Baru

Seramai 14 orang staf baru telah melapor diri dalam tahun 2005. PSZ juga telah mengisi kekosongan bagi jawatan-jawatan Pustakawan S41 dan S17. Tambahan jawatan Pembantu Perpustakaan S17 bertaraf kontrak telah diperolehi bagi memantapkan Jabatan Pengurusan Koleksi yang kini beroperasi dari 3 kepada 4 kumpulan syif.

Pengesahan Jawatan Staf

Pada tahun 2005, PSZ telah berjaya melaksanakan urusan pengesahan perkhidmatan bagi staf seramai empat orang dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta tiga orang staf dari Kumpulan Sokongan.

Perancangan Latihan Staf

Melalui dasar untuk memperkasakan staf PSZ melalui program latihan yang mantap, PSZ telah membelanjakan sebanyak RM72,356.76 untuk program latihan staf sepanjang tahun 2005. Sebanyak RM60,806.76 daripadanya adalah untuk latihan dalam negeri (Anjuran luar/UTM dan dalaman PSZ) manakala selebihnya iaitu RM11,550.00 untuk latihan luar negeri. Selaras dengan aktiviti utama PSZ yang memberikan perkhidmatan pelanggan maka PSZ akan terus memberi fokus kepada memperbaiki dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan. Sehubungan dengan itu perancangan latihan dalam bidang berkaitan akan diberi keutamaan.

PEMBANGUNAN KOLEKSI

Buku dan Monograf

Perolehan buku PSZ bagi tahun 2005 menunjukkan peningkatan peratusan yang sangat tinggi iaitu sebanyak 61.5% dari segi jumlah judul meliputi 9,956 judul (10,895 naskhah) berbanding hanya 6,166 judul (7,010 naskhah) yang diperolehi pada tahun 2004. Tambahan judul sebanyak 3,790 (3,885 naskhah) telah dicatat dan ini merupakan satu peningkatan yang amat tinggi berbanding dengan tahun sebelumnya.

PSZ telah memfokuskan pembelian bahan berdasarkan pembangunan koleksi bagi fakulti dan kursus baru seperti Bioteknologi-Bio-Proses, Kejuruteraan Bio-Perubatan dan Bio-Informatif. Di samping itu juga, perhatian yang lebih ditumpukan dalam pembangunan koleksi Advance Management, Koleksi Kreatif dan juga Koleksi Media terutamanya DVD dan VCD.

Secara keseluruhannya didapati koleksi monograf telah meningkat sebanyak 3% pada tahun 2005 iaitu berjumlah 477,694 naskhah berbanding 463,488 naskhah pada tahun 2004. Ini adalah pertambahan berjumlah 14,206 naskhah berbanding dengan tahun sebelumnya. Disamping itu juga, sebanyak 1896 naskhah monograf hadiah telah dilupuskan dari sejumlah 34,131 naskhah sedia ada.

Jurnal Cetak dan Pangkalan Data

Sehingga Disember 2005, jumlah jurnal bercetak langganan terkini yang menjadi koleksi PSZ termasuk keahlian adalah sebanyak 330 judul. Terdapat pengurangan sebanyak 13 judul disebabkan pembatalan, berhenti terbit dan terbitan bergabung berbanding tahun lalu. Bagi jurnal hadiah sebanyak 73 judul merupakan judul aktif semasa. Angka ini menunjukkan penurunan sebanyak 21.5% berbanding tahun 2004. Bahan bersiri koleksi khas pada tahun ini adalah sebanyak 431 judul.

Majalah (Judul)	Bilangan Judul
Langganan / Keahlian (aktif)	330
Jurnal elektronik (CD)	1,796
Jurnal elektronik (online)	5,200
Hadiah (aktif)	73
koleksi khas	431
JUMLAH	78 30

Jadual 1 : Stok Koleksi Jurnal Cetak & Pangkalan data sehingga Disember 2005

Terdapat dua langganan judul pangkalan data baru yang menyediakan kemudahan akses teks penuh iaitu 'Business Source Premier' dari 'EbscoHost' dan pangkalan data mengandungi maklumat piawai iaitu 'British Standard Online'.

Dengan langganan judul baru pangkalan data yang mengandungi jurnal elektronik ini, angka terkini judul elektronik meningkat sebanyak 4.5% iaitu daripada 4,972 kepada 5,200.

Pangkalan Data	Bilangan Judul
Cakera Padat	20
Online	36
JUMLAH	56

Jadual 2 : Jumlah judul pangkalan data yang dilanggan

Pesanan dan Penerimaan Bahan

Jumlah pesanan pembelian bahan perpustakaan pada tahun 2005 mengikut lokasi menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 6.03% judul dan 4.20% naskhah berbanding tahun 2004. Pembelian bagi koleksi *Advance Management* turut meningkat sebanyak 28.8% (228 judul) dan 24.80% (375 naskhah), manakala bagi pembelian koleksi kreatif adalah sebanyak 207 judul dan 307 naskhah.

Pembelian bahan media DVD pula ialah (40 judul) dan CD-ROM (113 judul). Pesanan pembelian bahan juga dibuat ke atas bahan koleksi Pesisir Kota Kinabalu, Sabah dan Kuching, Sarawak di bawah penyelarasan Sekolah Pengajian Siswazah (SPS). Jumlah pesanan bahan Pesisir 36 judul, 72 naskhah dan penerimaan 29 naskhah sahaja.

Keseluruhan pesanan pembelian bahan tahun 2005 dibuat hasil dari pemilihan staf akademik UTM Skudai dan *City Campus, KL* di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (25-27 April 2005), Pesta Buku UTM (8-10 Ogos 2005) dan bahan nota hantaran serta senarai cadangan pembelian dari fakulti.

Lokasi	Ju dul	Naskhah	Ju mlah (RM)
PSZ Skudai	9,045	9,243	2,666,210.83
PSZ <i>City Campus</i> , KL	911	1652	336826.17
Jumlah	9,956	10,895	3,003,037

Jadual 3: Jumlah Pesanan Pembelian Bahan Mengikut Lokasi

Secara keseluruhan, jumlah penerimaan bahan tahun 2005 adalah 9,738 naskhah iaitu peningkatan sebanyak 3,030 naskhah (18.42%) berbanding tahun 2004. Peratus perbelanjaan mengikut peruntukan yang diterima adalah 97.04%. Tahun 2005 menunjukkan peratus pertambahan yang ketara bagi koleksi monograf iaitu dari 3.93% (2004) kepada 5.00% (2005).


Lokasi	Judul	Naskhah	Jumlah (RM)
PSZ Skudai	7,705	8401	2,353,135.64
PSZ <i>City Campus</i> , KL	613	1337	249,544.00

Jadual 4: Jumlah Penerimaan Bahan Mengikut Lokasi

Koleksi SPACE

Peruntukan yang diterima daripada SPACE sepanjang tahun 2005 ialah sebanyak RM780,000. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,905 judul (2,634 naskhah) telah dibuat pesanan dengan kos keseluruhan berjumlah RM829,179.14. Sehingga Disember 2005, PSZ telah menerima sebanyak 1,853 judul (2,074 naskhah) bahan untuk diedarkan kepada pusat SPACE di seluruh negara.

Pemilihan judul bahan dibuat berdasarkan kursus yang ditawarkan oleh pihak SPACE di sesebuah lokasi. PSZ sentiasa berurusan dengan pihak pengurusan SPACE untuk memantau kursus yang ditawarkan agar pemilihan bahan dapat dibuat dengan tepat. Adalah menjadi tanggungjawab PSZ untuk memastikan setiap lokasi SPACE mendapat peruntukan bahan-bahan bacaan dan rujukan. Pemilihan judul bahan dibuat oleh pensyarah yang mengajar kursus SPACE. Secara keseluruhannya pihak PSZ akan memastikan vot yang diperuntukkan oleh SPACE iaitu vot 98120 digunakan sebaiknya untuk manfaat para pelajarnya yang terdapat di seluruh negara.



Dokumen Digital

Unit Pengurusan Dokumen Digital telah menjalankan aktiviti mengimbas dokumen digital di PSZ. Bahan yang telah diimbas ialah keratan akhbar, kertas soalan peperiksaan, tesis pasca-ijazah, artikel jurnal UTM, laporan penyelidikan dan fotograf.

BAHAN	2004		2005		PRESTASI (%)	
	Judul	m/s	Judul	m/s	Judul	m/s
Kertas Soalan Peperiksaan UTM	1025	8609	322	2374	- 68.6	- 72.4
Tesis Pasca Ijazah	102	17743	54	12078	- 47.1	- 31.9
Artikel Jurnal UTM	164	2051	406	5281	147.6	157.5
Laporan Penyelidikan		9	0	0	-100	-100

Jadual 5: Statistik Aktiviti Pendigitalan Dokumen

Maklumat Digital

Dalam usaha membangunkan sumber maklumat digital, PSZ telahpun menyediakan sumber maklumat berkenaan yang boleh dicapai di menu *Research Support & Databases* dalam portal PSZ. Antara maklumat digital yang boleh diperolehi ialah:

- Senarai Laporan Penyelidikan UTM (*List of UTM Research Report*)
- Senarai Maklumat Penyelidikan yang dijalankan di UTM (*List of UTM on-going Research*)
- Senarai tesis Digital UTM (*UTM Digital Theses*)
- Senarai Penulisan dan *Citation* Staf Akademik UTM (*Publications and Citations*)
- Penerbitan Metodologi Penyelidikan (*Research Methodology Publications*)
- Pangkalan Data Paten (*Database of Patents*)
- Jurnal Berimpak Tinggi (*High Impact Research Journals*)

Sumber maklumat digital PSZ kini boleh juga diakses oleh pelajar Program SPACE dan Program Pasca Ijazah secara *remote* melalui kaedah *Virtual Private Network* (VPN) yang telah disediakan oleh Pusat Maklumat & Teknologi Komunikasi (CICT), UTM.



PERKHIDMATAN

Pertanyaan Rujukan Elektronik

Perkhidmatan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 58% bagi tahun 2005 iaitu 60 pertanyaan berbanding 38 pertanyaan bagi tahun 2004. Jabatan telah mengendalikan pertanyaan rujukan elektronik dari pelanggan berdaftar dan tidak berdaftar yang diterima melalui mel 'public', saluran 'Ask the Librarian', dan di bawah 'Patron Function' dalam INFOLAN2. Pertanyaan rujukan yang diterima adalah berkisar kepada perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan oleh PSZ.

BIL .	PERSOALAN	2004	2005	JUMLAH
1	Perkhidmatan dan kemudahan	17	35	+105%
2	Koleksi	9	11	+22%
3	Staf	4	4	0%
4.	Lain-lain	8	10	+25%
JUMLAH		38	60	+58%

Jadual 6: Pertanyaan rujukan elektronik (melalui emel) secara perbandingan tahun 2004 dan 2005

Kemahiran Pencarian Maklumat Perpustakaan

● Kelas Kemahiran Asas bagi Pelajar Perdana

Kelas kemahiran diadakan melalui integrasi dengan matapelajaran UHB 1412: *English for Academic Communication* dan SMJ 1902: Kemahiran Teknologi (FKM).

Di bawah UHB 1412, 31 kelas telah dijalankan dengan kehadiran 1,432 orang pelajar. Fakulti yang terlibat pada semester satu adalah Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli, Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat dan satu kelas bagi Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia. Manakala bagi subjek SMJ 1902, 10 kelas telah diadakan dengan kehadiran seramai 159 orang pelajar. Selain daripada itu, 10 kelas telah diadakan atas permintaan pelajar dan pensyarah dengan kehadiran 228 orang pelajar.



● Kelas Kemahiran Asas bagi Pelajar Program School of Professional and Continuing Education (SPACE)

Buat pertama kalinya program kemahiran pencarian maklumat untuk pelajar baru SPACE telah diadakan. Pihak SPACE telah memberikan kerjasama yang baik dengan memastikan kehadiran wajib bagi pelajarannya ke kelas ini sehari selepas pendaftaran. Tujuh kelas telah dijayakan dengan kehadiran 237 orang pelajar.

● Kelas Kemahiran Lanjutan

Kelas Kemahiran Lanjutan yang disasarkan kepada pelajar tahun 3 dan ke atas telah menunjukkan peningkatan yang amat baik pada tahun 2005 berbanding tahun 2004. Sejumlah 64 Kelas Kemahiran Lanjutan telah diadakan berbanding hanya 18 kelas pada 2004. Kehadiran pelajar amat menggalakkan di mana sejumlah 1,056 orang pelajar tahun 3 telah mengikuti kelas ini dan ini merupakan peningkatan 255% berbanding tahun 2004. Sambutan terhadap kelas ini adalah hasil dari promosi awal tahun yang dijalankan oleh PSZ kepada semua fakulti dan kerjasama baik yang diterima dari fakulti bagi memastikan pelajar tahun 3 dan 4 menghadiri kelas ini.

Bil	Kelas	2005		2004		Peningkatan/ Penurunan (%)	
		Kelas	Hadir	Kelas	Hadir	Kelas	Hadir
1.	Kelas Kemahiran Asas	58	2,056	84	3,931	-31	-48
2.	Kelas Kemahiran Lanjutan	64	1,056	18	368	+256	+187
3.	Kemahiran Pencarian Maklumat (UQP 1211)	0	0	35	98	-	-
4.	SSU 2602 : Perolehan Maklumat	23	13	0	0	-	-
	JUMLAH	145	3,125	137	4,397	+6.0	-29


Jadual 7 : Perangkaan dan analisa kelas tahun 2005

PENGUNAAN BAHAN PERPUSTAKAAN

Pinjaman

Peminjaman bahan bagi tahun 2005 adalah berjumlah 357,068 iaitu peningkatan sebanyak 1.05% jika dibandingkan dengan jumlah pinjaman 353,348 pada tahun 2004.

Bagi pinjaman buku Layanan Terbuka secara keseluruhannya berjumlah 289,837 iaitu penurunan sebanyak 12.1% berbanding sebanyak 329,732 pada tahun 2004. Pinjaman majalah jilid dan kini menurun sebanyak 45.71% iaitu 3010 pada 2005 berbanding 5,544 pada 2004. Ini disebabkan peningkatan kepada penggunaan kemudahan pengaksesan jurnal elektronik melalui pangkalan data talian terus dan CD-ROM oleh pengguna serta kurangnya jumlah judul yang masih dilanggan dalam bentuk cetak.



Jadual 8: Jumlah Pinjaman Bahan Perpustakaan

Pinjaman Mengikut Kategori Pengguna

Peminjaman oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda masih merupakan kategori ahli yang paling banyak meminjam iaitu berjumlah 258,156 (73.1%) daripada pinjaman keseluruhan. Ini diikuti dengan kategori lain seperti Pelajar Sarjana 58,630 iaitu 16.6% dan Staf Akademik 13,418 iaitu 3.8%.

Kategori Ahli	Jumlah	Persatus
Pelajar Sarjana Muda	258,156	73.1%
Pelajar Sarjana	58,630	16.6%
Staf Akademik	13,418	3.8%
Pelajar PhD	8921	2.5%



Jadual 9: Pinjaman Mengikut Kategori Pengguna

Keahlian Luar

Terdapat peningkatan yang menggalakkan dari segi keahlian luar iaitu meningkat sejumlah 19.09% bagi jumlah ahli luar yang berdaftar di PSZ pada tahun 2005. Sejumlah 111 orang telah menjadi ahli luar PSZ berbanding 94 orang pada tahun 2004. Daripada jumlah tersebut, 77 adalah ahli merujuk manakala 34 ahli meminjam.

Ini memberi petunjuk bahawa masyarakat luar UTM menyedari kepentingan Perpustakaan dan sanggup menjadi ahli luar UTM dan sebahagiannya sanggup membayar kos untuk merujuk bahan.

Kategori	Ahli Merujuk	Ahli Meminjam	Jumlah
2005	34	77	111
2004	38	56	94
2003	31	51	82

Jadual 10: Keahlian Luar Perpustakaan Sehingga Disember 2005



Klinik Pencarian Pangkalan Data

Klinik Pencarian Maklumat Pangkalan Data PSZ telah diadakan di Fakulti Kejuruteraan Awam dan Fakulti Sains. Projek yang bermula pada tahun 2005 ini merupakan usaha berterusan PSZ untuk meningkatkan penggunaan pangkalan data terutamanya di kalangan staf akademik dan para penyelidik. PSZ telah membuka kaunter perkhidmatannya selama lima hari dan telah mendapat maklumbalas yang baik daripada warga fakulti yang datang.

Kajian Citations

Sehingga November 2005, 2234 rekod citation telah dikemaskini dan laporannya telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif PSZ. Capaian kepada artikel berkaitan juga boleh dilihat melalui capaian nama penulis berkenaan di portal PSZ.

Integrasi Maklumat PSZ di 'E-Learning' UTM

PSZ dengan kerjasama Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL), UTM telah mengadakan satu bengkel pendedahan mengenai 'e-learning' kepada pustakawan PSZ pada 20 Disember 2005. PSZ juga telah diberi ruang khas di Portal 'e-learning' UTM bagi memastikan ia dapat menyumbang kepada memberi akses mudah kepada sumber maklumat yang terdapat di perpustakaan.



AUTOMASI PERPUSTAKAAN

Perancangan Aplikasi Sistem ADVANCE di Pusat Sumber Fakulti Alam Bina

Di peringkat awal penubuhan dan pembangunan automasi di Pusat Sumber Fakulti Alam Bina (PSFAB), PSZ telah diminta untuk turut serta semasa sesi *User Requirement Study* bagi staf Pusat Sumber dengan pembekal sistem pada Mei 2005. Ini adalah kerana PSFAB akan menggunakan sistem berkomputer yang sama seperti PSZ dan seterusnya menggunakan server di PSZ. Justeru itu dasar dan polisi asas berkaitan dengan pengwujudan kod pada sistem bagi penubuhan PSFAB dan pusat sumber yang lain di masa akan datang telah disediakan.

Dari aspek pengurusan PSFAB, satu sesi perbincangan di antara PSZ yang terdiri daripada Ketua Pustakawan, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat, Bendahari UTM dan Penyelaras Pusat Sumber FAB telah diadakan pada 21 Jun 2005. Beberapa siri lawatan dan perbincangan di antara Jabatan Perkhidmatan Maklumat, Jabatan Pembangunan Automasi dan pihak Penyelaras Pusat Sumber telah juga diadakan. Perkongsian maklumat mengenai cara memproses bahan di PSFAB juga telah diadakan bersama Jabatan Pembangunan Sumber.



Naiktaraf Penggunaan Sistem Operasi Windows 2000

Projek ini telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dari bulan Januari hingga Mac 2005. Kesemua komputer di kawasan terbuka di aras 2, 3, 4 dan 5 telah dinaiktaraf penggunaan sistem pengoperasiannya dari *Windows 98* kepada *Windows 2000*. Selain dari itu, setiap komputer di aras berkenaan juga telah dipasang dengan *disk protection system* bagi menjamin keselamatan fail sistem yang telah dipasang pada komputer berkenaan.

PROMOSI

Pelancaran Perpustakaan Digital dan *Amnesty Day*

Pelancaran Perpustakaan Digital dan portal baru PSZ telah dirasmikan oleh DYMM Sultanah Zanariah binti Almarhum Tunku Ahmad, Canselor UTM pada 26 Januari 2005 bersempena dengan sambutan 100 tahun sejarah UTM. PSZ telah mengadakan pameran komponen perpustakaan digital sebagai usaha memperkenalkan pengguna kemudahan akses kepada maklumat secara lebih efisien. PSZ turut mengadakan *Amnesty Day* yang memberi kesempatan kepada pengguna untuk memulangkan buku tanpa didenda.

Galakan Membaca

Sempena dengan Sambutan Bulan Membaca Kebangsaan 2005, PSZ telah mengadakan beberapa aktiviti berkaitan dengan galakan membaca. Antara aktiviti yang telah diadakan ialah:

- Pertandingan Bacaan Kegemaran Saya
- Pameran Bulan Membaca
- Program Budaya Membaca



Program kali ini telah dirasmikan oleh Yg. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik), Prof. Dr. Ahmad Kamal Idris. Selain itu diadakan juga sesi penyampaian ulasan bahan kegemaran oleh Yg. Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim, Dekan SPACE. Sambutan terhadap program ini amat menggalakkan dan ini adalah hasil kerjasama yang telah diberikan oleh beberapa fakulti di UTM.

Buletin Perpustakaan Berwajah Baru

Bermula tahun 2005, Buletin Perpustakaan Sultanah Zanariah telah diterbitkan secara berkala iaitu 4 kali setahun dengan penampilan format baru. Buletin kini diterbitkan dalam format berwarna dengan pengisian yang lebih mantap bagi memastikan ia dapat menjadi penghubung antara PSZ dengan pengguna.

Program Teater



Pada 23 Februari 2005, Kelab Buku PSZ telah bekerjasama dengan pelajar TESL tahun 4, Fakulti Pendidikan UTM dalam pementasan teater berjudul *The Enchanted Forest* yang telah diadakan di Dewan Sultan Iskandar, UTM. PSZ telah menjemput hampir semua sekolah rendah di sekitar Johor Bahru dan sambutan yang diterima adalah amat menggalakkan. Program ini adalah sebahagian dari tanggungjawab yang dimainkan oleh PSZ dalam memberi kerjasama bagi menjayakan aktiviti promosinya di kalangan masyarakat UTM dan sekitarnya.

Aktiviti PSZ Bersama Persatuan Pustakawan Malaysia

PSZ bersama-sama dengan ahli Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) telah menjalankan beberapa aktiviti sepanjang tahun 2005. Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah program lawatan sambil belajar ke perpustakaan di Singapura iaitu Nanyang Technological University Library dan National Library of Singapore. Program lawatan ini telah disertai oleh seramai 30 orang Pustakawan dari PSZ serta pustakawan dari organisasi luar iaitu KUTKM, KUITTHO, YPJ dan Johor Corporation.



Ahli-ahli PPM juga telah menjalankan aktiviti khidmat masyarakatnya dengan membantu Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah, Kulai Johor mengkatalog bahan-bahan bacaan dan rujukan pusat sumber sekolah berkenaan serta menyediakan satu pangkalan data asas. Aktiviti ini telah dijalankan dengan kerjasama sebilangan besar Pustakawan dari PSZ. Selain itu, Mesyuarat Agung Tahunan serta aktiviti 'jumble-sale' juga telah diadakan sebagai sebahagian dari aktiviti tahunan PPM (Kumpulan Selatan).

Sesi Penjana Ilmu

Sesi Penjana Ilmu dengan ceramah bertajuk Herba dan Kesihatan telah diadakan pada 9 Jun 2005 dan disampaikan oleh Yg. Bhg. Prof. Ramlan Abdul Aziz dan Prof. Mohamad Roji Sarmidi dari Pusat Loji Pandu, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli (CEPP). Manakala pada 28 September 2005, zlasan buku bertajuk *Why Men Don't Listen and Women Can't Read Maps*, telah disampaikan oleh Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim, Dekan SPACE



PEMBAHARUAN BERTERUSAN

Bengkel Proses Kerja

Bermula dari Mei 2005, Bengkel Proses Kerja Jabatan Pembangunan Sumber telah diadakan yang dihadiri oleh semua Pustakawan di Jabatan Pembangunan Sumber. Pustakawan telah dibahagikan kepada dua kumpulan yang dipengerusikan oleh Ketua Jabatan Pembangunan Sumber. Lima bengkel telah berjaya diadakan khusus membincangkan dan mengenalpasti masalah yang timbul semasa pustakawan menjalankan tugas seharian. Objektif utamanya adalah untuk penambahbaikan pada proses kerja yang sedia ada di Unit Perolehan dan Pengindeksan. Bengkel Proses Kerja Jabatan Pembangunan Sumber tersebut telah diadakan pada 28 Mei 2005, 7 September 2005, 22 September 2005, 19 Oktober 2005 dan 17 November 2005.



Kajian Perbandingan Peruntukan Kemudahan Perpustakaan

PSZ telah mengadakan kajian ini untuk melihat corak nisbah bagi kemudahan Perpustakaan berbanding Institut Penyelidikan Tinggi Awam di Malaysia. Tujuan kajian ini ialah untuk mendapatkan petunjuk bagi memastikan peruntukan yang diberikan kepada PSZ adalah seimbang dengan lain-lain IPTA di Malaysia. Kajian ringkas ini telah menjadikan ke atas sebelas buah IPTA di Malaysia.

Perbandingan di antara IPTA di Malaysia ini dibuat berdasarkan latarbelakang, fungsi dan prosedur kaedah perolehan bahan yang sama serta berpandukan kepada tatacara perolehan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Laporan ini telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat mengenai perpustakaan dan juga dibentangkan untuk maklumat pengurusan tinggi UTM dan hasilnya peruntukan tambahan telah diperolehi.

Kemaskini Maklumat Jurnal

- Mengemaskini maklumat jurnal dalam sistem INFOLAN2

Kemaskini maklumat di rekod INFOLAN2 amat penting bagi memastikan pengguna mendapat maklumat yang tepat mengenai sesuatu rekod jurnal. Proses menyiapkan serta memperbaiki maklumat langganan/penerimaan/bibliografi di *Serial Copy Set (AdvHol - Serial)* bagi 330 judul jurnal bercetak telahpun disiapkan. Kerja mengemaskini kualiti rekod bahan serial baru mencapai 24% siap dari keseluruhan 7,605 rekod. Kerja mengemaskini maklumat jurnal ini akan diteruskan lagi pada tahun 2006.

- Kemaskini maklumat senarai judul teks penuh pangkalan data CD/'Online'

Sejumlah lebih dari 1252 judul teks penuh jurnal 'online' yang terdapat di berbagai pangkalan data CD/online telahpun dikemaskini rekodnya di Sistem INFOLAN2. Walaubagaimanapun ini merupakan satu tugas yang memerlukan ketelitian memandangkan jumlah judul jurnal 'online' yang sentiasa berubah dari masa ke semasa dan projek seperti ini akan diteruskan lagi pada masa akan datang.


- Semakan semula keperluan langganan jurnal bercetak sedia ada

Bagi memastikan judul yang dilanggan oleh PSZ benar-benar menepati keperluan fakulti, PSZ telah mengadakan semakan semula kepada keperluan langganan jurnal bercetak sedia ada bagi lima fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Awam, Fakulti Sains Pengurusan dan Sumber Manusia dan Program Pengajian Diploma. Sebanyak tiga fakulti iaitu Fakulti Sains Pengurusan dan Sumber Manusia, Fakulti Kejuruteraan Geo Informasi dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik telah memberi maklumbalas namun tiada pembatalan yang dibuat. Namun ini boleh dijadikan panduan bagi pembatalan atau langganan sesuatu judul jurnal pada tahun hadapan.

Inventori Koleksi Peta

PSZ telah melaksanakan Projek Inventori Koleksi Peta mulai dari 4 April hingga 9 Mei 2005. Projek ini telah melibatkan sebanyak 1,741 keping peta yang meliputi 13 tambahan siri peta dan Siri L7030. Antara kerja-kerja yang terlibat semasa inventori koleksi peta dijalankan adalah membuat semakan stok bagi koleksi peta yang telah dilakukan pada bulan Mac 2005. Ini diikuti dengan semakan semula dengan rekod di Sistem Sirkulasi serta proses scanning barkod peta yang telah dilaksanakan bagi SIRI L7030 dan skala lain yang berjumlah 1,741 keping mulai 4 hingga 17 April 2005.

Semakan dengan rekod pinjaman juga telah dibuat dan bagi yang mempunyai masalah rekod, ianya dihantar ke Unit Pengurusan Teknik untuk tindakan pembetulan dan telah diselesaikan.





'Standard People Practices'

Di bawah *Values Internalisation Program*, PSZ telah memperkenalkan satu sistem amalan yang seragam yang perlu dipraktikkan oleh staf apabila berurusan dengan pelanggan. Dikenali sebagai '*Standard People Practices*', amalan ini mengambilkira praktik seragam dan tutur kata yang lebih sopan apabila berurusan dengan pelanggan sama ada secara bersemuka atau lain-lain kaedah komunikasi. PSZ mengharapkan dengan wujudnya satu budaya kerja yang seragam ini, mutu perkhidmatan yang diberikan akan lebih cemerlang dan mesra pelanggan.

Audit 'SURVEILLANCE'

Audit '*Surveillance*' telah dijalankan di PSZ pada 21 dan 22 Julai 2005 oleh SIRIM QAS International. Antara objektif audit kali ini ialah bagi melihat keberkesanan sistem kualiti yang diamalkan di PSZ. Berdasarkan kepada Laporan Audit SIRIM, kualiti di PSZ pada amnya adalah baik berdasarkan kepada beberapa penambahbaikan yang telah dijalankan. Pihak Pengurusan PSZ juga telah mengambilkira pandangan dan syor oleh SIRIM dalam menambah baik keseluruhan pengurusan organisasi. Begitu juga tindakan pembedahan telah dibuat segera selepas teguran audit.



Secara keseluruhannya, pengauditan PSZ telah berjaya membantu Perpustakaan untuk meningkatkan kawalan pengurusan bagi memastikan sistem kualiti digunakan dengan sebaik mungkin untuk kebaikan semua pihak.

Audit Dalam Tambahan MS ISO 9001: 2000

Audit Dalam Tambahan PSZ telah dijalankan mulai 6 Disember 2005 untuk memastikan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti dalam memenuhi Dasar Kualiti yang digariskan, menilai semula proses yang terlibat dan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam setiap prosedur dan dokumen yang terlibat. Audit tersebut juga menyentuh mengenai penambahbaikan berterusan dan semakan dokumen di samping tindakan pencegahan dan pembedahan yang telah diambil sebelum ini terhadap teguran-teguran yang telah diberikan oleh SIRIM.

Audit tersebut telah berjalan dengan lancar dan ianya juga telah membantu PSZ mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang memerlukan langkah penambahbaikan.

PERANCANGAN STRATEGIK PSZ


Perancangan Strategik PSZ bagi tempoh 2006 hingga 2008 disediakan untuk membantu PSZ menghadapi isu dan cabaran masa kini dan akan datang. Bersesuaian dengan peranan utama PSZ, perancangan strategik ini telah menggariskan sasaran dan strategi untuk memastikan kemantapan koleksi perpustakaan serta membantu proses pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan penerbitan di UTM berjalan lancar secara berhemat, cekap dan berkesan. Antara lain objektif utama yang telah dikenalpasti ialah:

- Menambah bilangan pelanggan datang ke perpustakaan
- Meningkatkan bilangan rujukan dan pinjaman bahan perpustakaan
- Meningkatkan akses mudah
- Meningkatkan peruntukan mengikut nisbah seorang pelajar

Perancangan strategik ini adalah sebagai rangka kerja penyediaan perancangan tahunan secara lebih terperinci untuk mencapai visi, misi dan objektif perpustakaan. Perancangan Strategik telah dihasilkan semasa Bengkel Perancangan Strategik pada 21 hingga 23 November 2005 bertempat di Rumah Alumni UTM, Skudai dengan diketuai oleh Prof. Ismail Rejab sebagai fasilitator. Hasilnya, matlamat Perancangan Strategik PSZ 2006-2008 akan dicapai melalui sasaran dan strategi seperti berikut:

- Meningkatkan perkhidmatan perpustakaan melalui pemasaran dan promosi secara proaktif
- Membina imej yang positif ke arah perpustakaan bertaraf dunia
- Mendapatkan peruntukan tambahan bagi meningkatkan perkhidmatan perpustakaan
- Mengukuhkan koleksi yang komprehensif dan infrastruktur yang kondusif dan boleh dipercayai bagi menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.
- Meningkatkan kompetensi dalaman bagi profesional maklumat
- Mendahului dalam bidang teknologi pengurusan maklumat dan inovasi
- Perkongsian sumber dengan perpustakaan melalui penandarasan

PSZ akan sentiasa menekankan aspek perkhidmatan yang berkualiti untuk kepuasan pelanggannya. Bagi tujuan ini komitmen dan usaha yang gigih daripada semua pihak yang terlibat diperlukan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan projek.



STATISTIK UTAMA

PERKARA	2005
Pengguna Perpustakaan	541,198 orang
● Keahlian Luar	111 orang
Penggunaan Perpustakaan	
● Pinjaman	357,068
Jumlah Staf Perpustakaan	173 orang
Jumlah Keseluruhan Koleksi	
● Buku & Monograf	477,694 naskhah
● Jurnal bercetak	330 judul
● Jurnal elektronik (<i>online</i>)	5,200 judul
● Koleksi Khas	431 judul
● Pangkalan data <i>online</i>	36 judul
Infrastruktur Bangunan	
● Keluasan bangunan PSZ Skudai	200,634 kaki persegi
● Keluasan bangunan PSZ <i>City Campus</i> Kuala Lumpur	95,650 kaki persegi
● Keluasan bangunan CEPP	700 kaki persegi
● Kapasiti Perpustakaan	3,422 pengguna
● Jumlah komputer	214 buah
Jumlah Perbelanjaan	
● Latihan Staf	RM72,356.76
● Buku, monograf dll.	RM3,500,000.00
● Peralatan	RM439,945.00
● Emolumen	RM4,527,306.65
● Lain-lain perbelanjaan	RM736,651.46



Hubungi Kami :

Perpustakaan Sultanah Zanariah,
UTM Skudai, 81310 Johor.
Tel: 07-5533333 atau Faks : 07-5572555
Web: <http://web.utm.my/psz>

